

Wan Junaidi arah dua jabatan kerajaan jalankan siasatan



KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan menyiasat aktiviti mengorek pasir yang berlaku di muara Sungai Puyu, Pasir Panjang, Seri Manjung, Perak yang didakwa menjejaskan kawasan pendaratan penyu di situ.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar**) berkata, pihaknya akan meminta Jabatan Ta-

man Laut Malaysia serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk menjalankan siasatan lanjut berkaitan aktiviti yang dilakukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Perak itu.

“Saya akan minta kedua-dua jabatan tersebut membuat siasatan terlebih dahulu. Saya tidak boleh bergantung 100 peratus terhadap laporan

media semata-mata untuk memberikan apa-apa komen,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai tindakan JPS Perak mengorek pasir untuk mengatasi masalah banjir yang mencetuskan kebimbangan kerana dikhuatiri akan menjejaskan habitat penyu di ka-

wasan tersebut.

Bagaimanapun, Wan Junaidi tidak menjelaskan lebih lanjut mengenai tempoh siasatan yang akan dijalankan.

Aktiviti mengorek pasir yang dilaksanakan oleh JPS Perak itu berada di dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar Tahap 1 yang merupakan satu-satunya lokasi pendaratan reptilia itu untuk bertelur di negeri berkenaan.